

Headline	Projek LSS TNB mula beroperasi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	31 Oct 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	52
ArticleSize	344 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 26,885		



Loji solar dijangka menjana kapasiti penuh tenaga 50mW sebelum akhir tahun

Projek LSS TNB mula beroperasi

KUALA LUMPUR – Loji Solar Berskala Besar (LSS) Tenaga Nasional Bhd. (TNB) di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor kini beroperasi dengan penghantaran tenaga pertama ke Grid Nasional pada minggu lalu.

TNB menerusi satu kenyataan berkata, kerja-kerja bagi loji solar itu berjalan lancar dan dijangka menjana kapasiti penuh 50 megawatt (mW) sebelum akhir tahun ini.

"Loji itu merupakan projek LSS terbesar di Malaysia setakat ini dengan mempunyai 230,000 panel solar dan kabel gantian optik bawah tanah sepanjang 10 kilometer (km) dengan kuasa 132 kilovolt (kV).

"Projek LSS itu membuktikan aspirasi dan komitmen kami ke arah pertumbuhan tenaga boleh diperbaharui (RE) di Malaysia.



"Ia turut menunjukkan keparannya dalam keupayaan TNB dalam bidang RE, selain berperanan sebagai pemaju projek tenaga yang bereputasi," katanya di sini semalam.

Projek LSS yang dimulakan pada Julai 2017 itu dibangunkan oleh subsidiari TNB, TNB Sepang Solar Sdn. Bhd. di atas tanah berkeluasan 98 hektar, manakala TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. adalah rakan kongsi kejuruteraan, perolehan dan pembinaannya.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sebelum ini me-



PROJEK LSS TNB di Kuala Langat mempunyai 230,000 panel solar dan kabel gantian optik bawah tanah sepanjang 10 kilometer dengan kuasa 132kV.

nyasarkan 20 peratus daripada penjanaan tenaga negara adalah menerusi sumber boleh perba-

harui menjelang tahun 2030.

Pada masa ini kira-kira 53 peratus penjanaan tenaga di

INFO Projek LSS TNB

- Terletak di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor
- Melibatkan pelaburan berjumlah RM348 juta
- Berkapasiti 50mW
- Terdiri daripada 230,000 panel solar dan kabel bawah tanah gantian optik sepanjang 10km dengan kuasa 132kV
- Meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh diperbaharui TNB daripada 23.2 mW kepada 73.2 mW

Semenanjung Malaysia adalah daripada arang batu, sementara gas asli (42 peratus), kuasa hidro (5 peratus) serta bentuk RE lain.